



TERMA DAN SYARAT
PERTANDINGAN VIDEO PENDEK BANDAR IMPIAN KITA
SEMPENA PERSIDANGAN KEBANGSAAN PERANCANGAN BANDAR BERSEPADU
2017 (NCIUP 2017)

A. MAKLUMAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan Video Pendek ini adalah anjuran Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Fakulti Alam Bina, Universiti Malaya sempena berlangsungnya Persidangan Kebangsaan Perancangan Bandar Bersepadu 2017 (NCIUP).
2. Tempoh pertandingan adalah dari 1 Ogos hingga 10 Oktober 2017.
3. Tema pertandingan adalah '**Bandar Impian Kita**' ('*Our Dream City*').

B. MAKLUMAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan ini terbuka kepada **semua pelajar institusi pendidikan tinggi di Malaysia**.
2. Yuran penyertaan adalah **RM50.00 bagi setiap satu penyertaan**.
3. Setiap peserta **tidak boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan**. Bagi penyertaan berkumpulan, jumlah ahli kumpulan hendaklah **tidak melebihi 3 orang (termasuk ketua kumpulan)**.
4. Genre terbuka seperti drama, sketsa, komedi dan dokumentari sahaja.
5. Setiap video boleh melibatkan seberapa ramai pelakon.
6. Kos penyediaan video adalah atas tanggungan peserta sepenuhnya.
7. Konsep video mesti berdasarkan tema '**Bandar Impian Kita**' ('*Our Dream City*').
8. Penghasilan video juga perlu mengambilkira tema persidangan tahun ini '**Perancangan dan Tadbir Urus Inklusif: Diversiti dan Ekuiti**' ('*Inclusive Planning and Governance: Diversity and Equity*').
9. Durasi karya adalah **tidak kurang daripada 2 minit dan tidak melebihi 3 minit** termasuk montaj dan kredit (penghargaan).
10. Peserta boleh menghasilkan video dalam
 - a. Bahasa Malaysia, dengan sarikata Bahasa Malaysia; atau
 - b. Bahasa Inggeris, dengan sarikata Bahasa Inggeris.
11. Hasil karya hendaklah sesuai untuk terbitan dan paparan dalam bentuk media video berformat **MOV, MP4 atau WMV** sahaja dengan resolusi minima video 1080 p (1920 x 1080 pixel resolution).
12. Peserta perlu memuat naik video ke atas platform **Google Drive** dan borang penyertaan yang lengkap ke alamat emel nciup@um.edu.my dengan subjek emel **VIDEO**.



13. Adalah menjadi tanggungjawab peserta untuk memastikan **semua gambar individu/imej yang digunakan telah mendapat persetujuan bertulis** dengan melengkapkan **Borang Persetujuan Gambar/Imej Individu**.
14. Peserta perlu memastikan **persetujuan bertulis** diperolehi daripada **ibubapa/penjaga individu yang berumur 18 tahun ke bawah** sekiranya gambar individu digunakan dalam karya yang dihasilkan.
15. Semua muzik yang digunakan oleh peserta dalam video perlu berstatus bebas royalti. Pihak pengajur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang tuntutan akibat pelanggaran hasil hak cipta berkenaan dengan sebarang bentuk bahan yang digunakan atau dipaparkan dalam video.
16. **Sinopsis/ringkasan isi kandungan video** perlukan disediakan dalam **font Arial, saiz tulis 11 dan single spacing**.
17. Karya yang dihasilkan tidak boleh mengandungi unsur yang menyentuh sensitiviti perkauman, kebudayaan, keagamaan, politik dan pemimpin.
18. Setiap penyertaan mestilah merupakan kerja asal/asli peserta dan tidak pernah menyertai mana-mana pertandingan video.
19. Semua penyertaan tidak boleh dimuat naik ke mana-mana portal tanpa mendapat kebenaran daripada pihak pengajur secara bertulis.
20. Sebarang pelanggaran syarat-syarat di atas akan membatalkan penyertaan.
21. **Sijil penyertaan** hanya diberikan kepada peserta yang menghantar **penyertaan lengkap dan memenuhi syarat** sahaja.

C. TUNTUTAN HAK CIPTA

1. Peserta boleh mengekalkan hakmilik ke atas karya yang dihasilkan. Tetapi Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Fakulti Alam Bina, Universiti Malaya berhak menghasilkan atau mencetak semula, mengedar, melaksana dan memapar atau mempamerkan karya penyertaan untuk tujuan promosi, publisiti, kesedaran jabatan dalam semua bentuk kegiatan jabatan di laman web, persidangan atau di mana-mana tempat lain.

D. TEMPOH PERTANDINGAN

1. Pertandingan video pendek ini bermula pada **1 Ogos** dan berakhir pada **10 Oktober 2017**.
2. Peserta dikehendai menghantar borang penyertaan yang lengkap ke alamat emel nciup@um.edu.my dengan subjek emel **VIDEO** selewat-lewatnya pada 10 Oktober 2017 sebelum jam 11.59 malam dengan memuat naik perkara berikut:
 - a. **Borang Penyertaan Pertandingan Video Pendek Bandar Impian Kita (Our Dream City) yang telah lengkap diisi (format PDF);**
 - b. **Borang Persetujuan menggunakan imej/gambar individu (format PDF);**
 - c. **Sinopsis/ringkasan isi kandungan video (format PDF);**



- d. Lampiran senarai para peserta (nama dan no. Kad pengenalan) sekiranya peserta adalah lebih daripada satu orang
3. Pihak penganjur berhak menolak mana-mana penyertaan yang tidak lengkap dan penyertaan yang tiba lewat daripada tarikh dan masa tutup.

E. KEPUTUSAN PERTANDINGAN

1. Setiap karya akan dinilai dari segi keaslian, isi kandungan, konsep dan kreativiti serta kualiti hasil oleh panel juri yang dilantik oleh pihak penganjur.
2. Keputusan panel juri adalah muktamad. Sebarang rayuan dan bantahan tidak akan dipertimbangkan.
3. Pemenang akan dihubungi melalui pos, telefon dan emel pada **25 Oktober 2017**.

F. HADIAH PERTANDINGAN

1. Tawaran hadiah adalah seperti berikut: -
 - a. Tempat pertama: RM500.00, piala dan sijil penyertaan
 - b. Tempat kedua: RM300.00, piala dan sijil penyertaan
 - c. Tempat ketiga: RM250.00, piala dan sijil penyertaan
2. Majlis penyampaian hadiah akan berlangsung pada **2 November 2017** semasa pelancaran NCIUP 2017 di Kua Lumpur.

Sebarang pertanyaan/keterangan lanjut, sila hubungi:

Urusetia

Pertandingan Video Pendek Bandar Impian Kita NCIUP 2017

Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah

Fakulti Alam Bina

Universiti Malaya

50603 Kuala Lumpur

Dr. Goh Hong Ching 03-79677606

Dr. Yong Adilah Shamsul 03-79676811

Puan Rosaida Zebedi 03-79676856

Atau emel nciup@um.edu.my

Atau layari laman web <http://umconference.um.edu.my/nciup2017>